



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

SEMAKAN KEPUTUSAN PERMOHONAN KEMASUKAN PELAJAR KE PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA POLITEKNIK BAGI SESI AKADEMIK I 2026 / 2027 KINI DIBUKA

PUTRAJAYA - Sukacita dimaklumkan bahawa **semakan keputusan permohonan kemasukan pelajar Ijazah Sarjana Muda ke Politeknik** bagi Sesi Akademik I : 2026 / 2027 kini dibuka mulai **21 Ogos 2026, Jumaat jam 5.00 petang**. Semakan boleh dibuat melalui pautan <https://ambilan.mypolycc.edu.my>

Calon yang berjaya boleh membuat **cetakan surat tawaran mulai hari ini** melalui Sistem Ambilan myPOLYCC juga di pautan ambilan.mypolycc.edu.my. Calon yang berjaya dikehendaki membuat pengesahan setuju terima tawaran mulai **hari ini sehingga 28 Ogos 2026**.

Bagi pelajar yang belum menerima apa-apa tawaran, calon dinasihatkan untuk membuat **rayuan secara dalam talian mulai hari ini sehingga 4 September 2026** melalui pautan yang sama. **Semakan tawaran susulan 1 (calon rayuan) adalah pada 8 September 2026, Selasa**.

Terdapat **12 program Ijazah Sarjana Muda Politeknik** ditawarkan pada sesi ini meliputi bidang **Teknologi Kejuruteraan Mekanikal, Teknologi Kejuruteraan Awam dan Alam Bina, Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Reka Bentuk dan Komunikasi Visual, dan Pelancongan dan Hospitaliti** di empat (4) buah Politeknik iaitu:

- **Politeknik Ungku Omar (PUO), Ipoh, Perak**
- **Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Shah Alam, Selangor**
- **Politeknik Ibrahim Sultan (PIS), Pasir Gudang, Johor**
- **Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Behrang, Perak**

Dalam pada itu, sebanyak **534 tempat** disediakan dalam pelbagai bidang pengajian bagi sesi ini dengan **pendaftaran pelajar baharu** akan bermula pada **21 September 2026, Isnin**.

Sebarang pertanyaan berkenaan dengan permohonan tersebut boleh dimajukan terus ke Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti secara terus di alamat berikut:-

**BAHAGIAN AMBILAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR,
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ
KOMUNITI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI,
ARAS 6, GALERIA PJH, JALAN P4W, PERSIARAN
PERDANA, 62100 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN
PUTRAJAYA.**

No. Tel	: 03 - 8888 3837
No. Whatsapp	: 03 – 8888 5625
E-mel	: jppkk.ambilan@mohe.gov.my
Facebook	: polycc.edu
Instagram	: polycc.edu_

Jabatan ini ingin mengucapkan syabas dan tahniah atas kejayaan calon yang berjaya ditawarkan tempat ke program Ijazah Sarjana Muda Politeknik bagi sesi Akademik I : 2026/2027.

Selamat Maju Jaya.

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
21 Ogos 2026**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SEMAKAN KEPUTUSAN PERMOHONAN PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA POLITEKNIK

Bagi Sesi Akademik **2026/2027**



**SEMAKAN
PERMOHONAN:**



Boleh dibuat mulai
JUMAAT, 21 OGOS 2026,
jam 5.00 petang.



**SETUJU TERIMA &
CETAKAN SURAT
TAWARAN:**



Mulai
21 hingga 28 OGOS 2026.



**TARIKH PENDAFTARAN
PELAJAR BAHARU:**



ISININ,
21 SEPTEMBER 2026.

Pilih
POLITEKNIK,
*Pilih MASA DEPAN
ANDA!*





**MALAYSIA
MADANI**



polycc.edu



POLYCC

www.mypolycc.edu.my | www.ambilan.mypolycc.edu.my